

◀ Contents ▶

4. Ia dapat digunakan sebagai pelindung dari ajaran-ajaran Islam yang melampau dan sesat

Masjid sebagai wadah untuk mempertingkatkan pendidikan masyarakat majmuk terhadap memahami lebih lanjut tentang Islam. Selain dari itu, masjid sebagai syiar Islam, telah menjadi cara yang berguna dalam mempertingkatkan hubungan antar kaum dalam sebuah masyarakat berbilang kaum di Singapura dengan ;

1. Menggunakan masjid sebagai tuan rumah dalam kunjungan-kunjungan dari tetamu yang bukan Sialm

2. Memanfaatkan kunjungan-kunjungan untuk mendidik tetamu Singapura yang bukan Islam tentang bagaimana orang-orang Islam melaksanakan kepercayaan mereka

3. Membantu tetamu yang bukan Islam dan dengan berbuat demikian membantu mereka memahami dan akur dengan kemahuan teman sejawat yang beragama Islam'

4. Membuka kesempatan kepada para pegawai masjid, guru-guru agama atau pendidik Islam untuk mengadakan kunjungan balas ke Institusi Bukan Islam untuk lawatan sambil belajar

Fungsi Madrasah dan peranan MUIS dalam pendidikan Madrasah di Singapura

Ada dua jenis Madrasah di Singapura yang menjadi komponen pokok pendidikan Islam:

1. Madrasah Sepenuh Masa di Singapura yang terdapat di enam buah madrasah yang telah mapan dengan baik

2. Madrasah Separuh Masa atau Madrasah Hujung Minggu, kebanyakannya terdapat di masjid-masjid dalam sebahagiannya dalam persatuan-persatuan Islam

Fungsi pemisahan fungsi Madrasah ini adalah penting bermaksud untuk menampung

1. Dwi-keperluan Masyarakat Islam di Singapura
a) Jenis sistem pendidikan Islam asas yang boleh mencakup bahagian masyarakat yang lebih luas

b) Institusi Islam yang melatih sarjana Islam sepenuh masa hingga sampai ke taraf dunia

Peranan MUIS dalam pembangunan Syllabus pendidikan Islam dilakukan

1. Untuk semua masyarakat Islam
2. Kerjasama dengan konsultant antarabangsa
3. Mengadakan peningkatan yang lebih jauh taraf pendidikan Islam dalam madrasah separuh masa dan sepenuh masa

4. Untuk memastikan bahawa pembangunan madrasah di Singapura dijalankan dengan secara diiktiraf di peringkat antarabangsa secara profesional

Kewibawaan yang tinggi Sarjana Islam dalam masyarakat Singapura

MUIS mempunyai rencana untuk;

1. Membuka pendaftaran semua guru-guru agama yang diterima dan dipercayai dengan kerjasama Persatuan Guru-guru Agama Singapura PERGAS

2. Memastikan semua pendidikan Islam dilindungi dari dipersalahkan untuk kepentingan diri sendiri atau untuk kepentingan sebahagian kumpulan

Sarjana Islam dari Singapura telah mempunyai kedudukan yang tinggi di kalangan golongan masyarakat etnik yang lain kerana mereka telah ;

1. Mendapat pengiktirafan kerana rasional dan pragmatis dikalangan golongan masyarakat etnik

2. Telah berjaya mempertahankan kepentingan mereka dalam masyarakat majmuk Singapura

3. Menjadi mitra yang boleh dipercayai kepada kegiatan-kegiatan multibudaya nasional (IRO)

4. Kerana melibatkandiri secara aktif dalam usaha mengatasi permasalahan social dalam masyarakat nasional.

Penutup

Kemajuan dan perkembangan masyarakat Melayu/Islam ialah dengan usaha tersendiri dan bantuan pemerintah Singapura melalui MUIS dan Menteri Yang Bertanggungjawab Ehwat Islam dengancara yang membina dan keayahan dalam mengurus ehwal Melayu/Islam di Singapura

◀ Contents ▶